

SALUTASI
MAJLIS PERASMIAN PESTA KONVOKESYEN TUAH UTeM KE-19

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad
Pro Canselor UTeM

Yang Berbahagia Dato' Dr. Husaini Bin Omar
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTeM,
Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan
UTeM,

Staf-staf Universiti, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi
2022/2023,

Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana Pesta Konvokesyen UTeM
Ke-19, mahasiswa, mahasiswi serta para hadirin yang dihormati
sekalian.



TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM

MAJLIS PERASMIAN PESTA KONVOKESYEN TUAH UTeM KE-19
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

3 November 2023 (Jumaat), Tapak Pesta Konvokesyen, 3.00 petang

اوینیورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdullillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah Subbahanahu Wataala, di atas segala rahmat dari Nya juga, pada petang Jumaat yang penuh barakah ini kita dapat disatukan dalam program tahunan iaitu Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen TUAH UTeM kali ke-19 atau TCF-19, bagi tahun 2023, sebuah acara wajib yang dilaksanakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM.

2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian **Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad, Pro Canselor UTeM**, Pengurus Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTeM, serta barisan tetamu, yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada petang ini.



Camar pulang di kala petang,

Hari indah disinari mentari;

Terima kasih tuan sudi bertandang,

Majlis meriah bertambah seri.

3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2022/2023 yang menjadi penggerak utama dalam merancang dan menganjurkan Pesta Konvokesyen TUAH

UTeM kali ini. Saya difahamkan, walaupun jadual MPP amat padat dengan kuliah dan aktiviti sampingan lain, namun mereka tetap memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan pelaksanaan Pesta Konvokesyen TUAH UTeM tahun ini berjalan dengan lancar, dengan harapan TCF-19 dilaksanakan dengan lebih meriah berbanding tahun sebelum ini.

4. Sebagai makluman YBhg. Tan Sri dan hadirin sekalian, TCF-19 dimeriahkan dengan 30 program yang telah diaturkan dengan sebaik-baiknya, yang bermula seawal 7 Oktober dan program terakhir akan dianjurkan pada 5 Disember 2023.
5. Tahniah MPP, dan semua pelajar UTeM yang terlibat. Dan, tak dilupakan juga terima kasih kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) yang sentiasa membimbing dan

memberi nasihat kepada para pelajar ini demi memastikan kelancaran penganjuran Pesta Konvokesyen TUAH UTeM pada kali ini.

6. Saya percaya, tanpa kerja keras, dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, pasti majlis berskala besar seumpama ini sukar dilaksanakan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. TCF-19 kali ini menampilkan pelbagai pengisian menarik seperti Forum Perdana dengan jemputan dari PU Rahmat dan PU Yeop, Islamic Night Festival dengan penampilan khas kumpulan nasyid UNIC, TUAH Arena National Championship - sebuah pertandingan e-sport peringkat kebangsaan, pertandingan live band Tune Takedown, Shaolin Street Soccer, perkongsian pengalaman

sukarelawan dari Ardell Aryana, Cultural of Martial Arts Show, persembahan kebudayaan dan pelbagai lagi.

8. Menerusi pendekatan dan penglibatan aktif siswa dalam menguruskan program seumpama ini, saya amat yakin, aspirasi Universiti untuk melahirkan siswa dan graduan yang bercirikan TUAH iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik dapat direalisasikan dengan jayanya.
9. Untuk makluman semua, selain TUAH, UTeM juga akan memperkenalkan ikon TEJA dalam masa terdekat yang membawa semangat yang sama seperti atribut TUAH iaitu Tangkas, Elegan, Jagat dan Adaptif.
10. Atribut definisi TUAH dan TEJA yang tersemat di dalam diri setiap pelajar UTeM bukan sahaja menghasilkan bakat

insan yang cemerlang dalam profil akademik yang kukuh, malah turut menyumbang kepada keunggulan para pelajar UTeM dalam bidang kepimpinan, kesukunan, kesukarelawanan, kemasyarakatan dan keberanian yang jitu dalam menempuh cabaran masa kini yang kompleks.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Pesta Konvokesyen TUAH UTeM ke-19 ini.

12. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua rakan penaja budiman yang sentiasa memberikan sokongan kepada pihak Universiti, bagi menjayakan Pesta

Konvokesyen TUAH UTeM kali ini. Sumbangan anda semua, amat dihargai.

13. Kepada para pengunjung, diharapkan tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari mendapat pelbagai manfaat, hasil kunjungan anda di Pesta Konvokesyen TUAH UTeM ini. **Jangan lupa untuk dapatkan T-Shirt istimewa TUAH di khemah Urus setia HEPA di tapak jualan.**
14. Kepada para graduan UTeM yang diraikan, setinggi-tinggi tahniah diucapkan. Harapan saya, agar para graduan dapat menggunakan segala bekalan ilmu yang diperolehi dengan sebaik-baiknya, dan terus menjadi insan terbilang dalam menyumbang bakti seikhlasnya kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Meniup api beralun selari,
Penat bersandar di pohon meranti,
Pesta meriah graduan dirai,
UTeM tersemat selamanya dihati.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*

Terima kasih.

